GEDUNG WARISAN SEJARAH DAN KEBUDAYAAN PAHANG

Pahang sebagai sebuah negeri yang terbesar di Semenanjung Malaysia menyimpan pelbagai khazanah dan warisan alam semula jadi dan kebudayaan yang tiada tara nilainya. Kerencaman budaya dan keunikan bentuk muka bumi di negeri ini menjadi dasar kepada kemunculan pelbagai komponen warisan budaya yang amat bernilai dan berkekalan hingga hari ini.

Perbadanan Muzium Negeri Pahang merupakan institusi yang bertanggungjawab mengumpulkan, mempamerkan dan menyelidik warisan sejarah dan kebudayaan yang terdapat di Pahang, termasuklah Tenun Pahang Diraja. Sidang editor *Dewan Budaya* berkesempatan mewawancara Dato' Ahmad Farid Abdul Jalal, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang, untuk meniti perjalanan institusi ini dan perkembangan khazanah dan warisan budaya di Pahang pada masa ini.

DATO' AHMAD FARID ABDUL JALAL
PENGARAH PERBADANAN MUZIUM NEGERI PAHANG

Muzium Seni Kontemporari di Pekan, Pahang.

Kafe Gerabak Kopi di perkarangan Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

Bolehkah Dato' kongsikan latar belakang, pendidikan dan kerjaya sehinggalah Dato' dilantik sebagai Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang?

Saya berasal dari Kampung Pianggu, Rompin tetapi membesar dan bersekolah di Pekan sebelum melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dalam bidang sosiologi dan antropologi. Setelah tamat pengajian, saya berpeluang menghadiri temu duga untuk jawatan kurator di Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan dan memulakan tugas sebagai kurator merangkap Pengarah Lembaga Muzium Negeri Pahang pada 16 Ogos 1997 pada usia 25 tahun.

Menjadi seorang pengarah untuk sebuah agensi kerajaan peringkat negeri dalam usia yang muda, bukanlah satu perkara yang mudah. Cabaran yang saya hadapi menjadi satu suntikan semangat kepada saya untuk menanam azam membawa pelbagai perubahan untuk mengangkat Muzium Negeri Pahang ke satu tahap yang lebih tinggi.

Kini, saya sudah berusia 52 tahun. Hal ini bermakna tahun ini merupakan tahun yang ke-27 saya berkhidmat dengan Muzium Negeri Pahang. Alhamdulillah, Muzium Negeri Pahang semakin lama semakin dikenali dan mula mendapat perhatian banyak pihak. Bermula dengan hanya dua blok bangunan di Muzium Sultan Abu Bakar, kini muzium tersebut bukan sahaja telah memiliki enam buah galeri, tetapi juga dilengkapi dengan pelbagai kemudahan lain termasuklah Panggung Tun Razak, Kafe Belibis dan Gerabak Kopi. Selain itu, Muzium Negeri Pahang juga mempunyai lebih daripada sembilan muzium di seluruh Pahang.

Kita akan ada muzium di setiap daerah selepas ini. Setakat ini, kita sudah mempunyai sebuah muzium di daerah Maran dan sedang memulakan pembinaan sebuah lagi muzium di daerah Lipis. Di daerah Cameron Highland dan Temerloh pula, kita sudah memilih bangunan untuk dijadikan sebagai muzium yang akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak Muzium Negeri Pahang untuk tindakan selanjutnya. Manakala di Kuantan, kita sudah mempunyai empat buah muzium, dan di Pekan pula sebanyak enam buah muzium.

Dalam tempoh 27 tahun saya berada di sini, banyak perubahan serta perkembangan positif berlaku di Perbadanan Muzium Negeri Pahang dan insya-Allah lebih banyak lagi yang akan diusahakan pada masa akan datang.

Dato' sudah berkhidmat di Perbadanan Muzium Negeri Pahang selama 27 tahun. Bagaimanakah Dato' menjadikan muzium ini kekal relevan hingga kini, terutamanya dalam kalangan golongan muda yang lebih cenderung kepada teknologi?

Pertama sekali, perkara paling penting adalah memberikan pendidikan tentang kepentingan artifak warisan dan tradisi budaya peninggalan nenek moyang kepada masyarakat bermula seawal zaman kanak-kanak, iaitu sejak berada di sekolah rendah lagi. Dalam hal ini, Muzium Negeri Pahang mengambil inisiatif mengadakan kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang bagi melaksanakan beberapa program pendidikan.

Antaranya termasuklah kami berjaya menerbitkan buku bertajuk *Budi Pujangga - Apabila Guru dan Murid Bertinta*, yang bukan sahaja memaparkan artikel ringkas tentang sejarah dan budaya tempatan yang ditulis oleh kurator Muzium Negeri Pahang, tetapi juga menghimpunkan hasil karya puisi dan lukisan daripada guru dan pelajar. Buku ini akan dijadikan sebagai rujukan wajib bagi sekolah di Pahang sama ada untuk digunakan dalam kurikulum mahupun kokurikulum sekolah.

Muzium Negeri Pahang juga mewujudkan satu unit khas untuk menguruskan Kelab Pendidikan Muzium Negeri Pahang yang sudah mula diperkenalkan di semua sekolah rendah dan sekolah menengah dalam daerah Kuantan dan Pekan. Para pelajar amat digalakkan untuk menjadi ahli kelab tersebut kerana secara tidak

langsung dengan memperkenalkan warisan sejarah dan budaya tempatan, perkara itu berupaya membentuk asas jati diri mereka yang lebih kukuh.

Muzium merupakan satu daripada wadah pendidikan. Oleh sebab itu, sewajarnya setiap bahan pameran dan penerbitan di muzium dibawa ke sekolah untuk didedahkan kepada pelajar bagi membantu meningkatkan lagi pemahaman mereka terhadap sejarah. Hal ini bertepatan dengan peribahasa tak kenal maka tak cinta. Jikalau mereka tidak diperkenalkan dengan warisan sejarah dan budaya sejak kecil, maka mereka tidak akan menghargainya hinggalah dewasa.

Masyarakat pada hari ini juga tidak banyak didedahkan dengan bahan bacaan yang berkualiti. Oleh sebab itu, generasi kini memiliki jurang yang sangat luas dengan bahan bacaan dan mereka lebih bergantung pada teknologi tanpa panduan. Hal ini berbeza dengan masyarakat Barat yang lebih gemar membaca. Budaya membaca ini tidak ada pada masyarakat kita, walhal Islam amat menggalakkan kita membaca.

Masyarakat kita juga kurang menulis, dan disebabkan oleh hal ini, tidak banyak bahan bacaan tentang sejarah dan budaya negara dihasilkan. Inilah yang menjadi punca utama masyarakat pada hari ini, terutamanya orang muda, kurang meminati budaya dan sejarah.

Muzium dapat diibaratkan sebagai "sekolah kedua" kerana mempunyai kaitan secara langsung dengan pendidikan dan ilmu pengetahuan. Apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang agar masyarakat terus menjadikan muzium ini sebagai sumber rujukan, terutamanya pada era serba teknologi ini?

Koleksi Tenun Pahang Diraja milik Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

Pada pendapat saya, untuk memainkan peranan sebagai sumber rujukan kepada masyarakat, sesebuah muzium itu seharusnya menyajikan persembahan yang terkini dan mewujudkan suasana yang menarik di dalam muzium itu sendiri. Dalam hal ini, konsep sesebuah muzium itu perlu jelas.

Muzium Negeri Pahang telah mewujudkan konsep *The Intellectual Garden*, iaitu suasana muzium seperti dalam taman. Muzium ini kini bukan lagi sebuah kawasan yang berpagar tetapi merupakan sebuah laman terbuka, bebas untuk dilawati dan menjadi tempat pertemuan pelbagai lapisan masyarakat. Bagi kami, pagar walaupun hanya sebagai satu tembok kecil, namun pagar tersebut seolah-olah menjadi batas antara muzium dengan masyarakat.

Alhamdulillah, masyarakat hari ini sudah mula menyukai muzium. Walaupun pada awalnya sekadar menjadi tempat persinggahan untuk bergambar, lama-kelamaan, muzium kini menjadi tempat kunjungan utama masyarakat. Oleh itu, kami perlu memainkan peranan yang lebih daripada kebiasaan dan perlu bekerja dengan lebih kuat.

Muzium perlu ada satu budaya kerja yang berbeza, bukan sekadar menjalankan kajian dan penyelidikan untuk tujuan pameran serta penerbitan, tetapi juga perlu mewujudkan suasana yang sangat harmoni dan mesra dengan seluruh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza. Selain itu, kemudahan yang disediakan di muzium juga perlu lengkap. Kemudahan seperti kafe misalnya, merupakan komponen tambahan yang menjadi daya tarikan pengunjung ke muzium ini.

Saya menggalakkan para penggiat muzium atau pengkarya muzium untuk berkunjung ke muzium di luar negara yang rata-ratanya mempunyai konsep yang lebih kreatif dan terbuka. Muzium di Eropah misalnya, tidak terlalu menekankan penggunaan teknologi, tetapi hanya di bahagian tertentu sahaja kerana penggunaannya melibatkan kos yang sangat tinggi.

Walaupun para penggiat muzium di sana masih lagi konservatif dari segi pameran, tetapi mereka tetap mampu menarik kehadiran banyak pengunjung kerana cara mereka menyampaikan dan menyalurkan maklumat itu sangat menarik dan

informatif. Hal ini dapat dilihat melalui jurupandu lawatan yang efisien dan hasil penerbitan yang berkualiti. Muzium di sana memiliki "fesyen" yang tersendiri dan tidak lagi dilihat seperti rumah hantu yang sepi tanpa pengunjung.

Dalam hal ini, kita kena memberikan makna tersendiri terhadap muzium kita. Di Perbadanan Muzium Negeri Pahang, saya menerapkan konsep tatacara bertanah air, iaitu tatacara sebagai orang tempatan serta cara berfikir berasaskan al-Quran dan sunah. Bagi saya, hal ini perlu diperjelas oleh muzium kerana peranan muzium bukan sekadar bercakap tentang artifak semata-mata. Kita telah bekerjasama dengan banyak pihak, termasuklah Yayasan Warisan Ummah Ikhlas, bagi membincangkan dan merangka program keagamaan untuk diterapkan dalam pelbagai peringkat pengurusan muzium, termasuklah penyelidikan, pameran, penerbitan dan program awam.

Satu daripada warisan yang cukup sinonim dengan negeri Pahang ialah Tenun Pahang Diraja. Apakah yang dimaksudkan dengan Tenun Pahang Diraja dan apakah pula perbezaannya dengan kain tenun yang lain?

Sebenarnya, aktiviti menenun sudah lama bertapak di Pahang, namun aktiviti tersebut hanya dijalankan secara kecil-kecilan. Kedatangan Tok Tuan, seorang pembesar Bugis, telah memperkenalkan teknik tenunan yang lebih baik kepada masyarakat setempat di sini. Apabila saya berkunjung ke Riau, saya lihat tenun di Riau pada hari ini sudah tidak sama seperti tenun di Pahang yang dibawa oleh Tok Tuan. Begitu juga di Pahang.

Pada awalnya kita masih boleh nampak pengaruh Riau seperti corak berpetak (tapak catur) itu kuat dalam kain tenunan Pahang, tetapi kini Tenun Pahang Diraja semakin berkembang daripada corak berpetak kepada corak yang lebih nampak semasa dan moden.

Walaupun adakalanya hasil tenun ini memiliki pengaruh luar dari segi corak dan motif, namun keaslian tenun itu masih kekal dari segi pembuatannya. Pemodenan itu bukanlah bermaksud kita menghilangkan semua komponen utama, tetapi sebenarnya kita menyuntik pelbagai elemen terkini, seperti corak dan warna yang lebih diminati oleh masyarakat kini.

Alhamdulillah, saya berpeluang mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang mengunjungi beberapa pusat tenunan di luar Malaysia, seperti di Indonesia, Vietnam dan Thailand, untuk melihat hasil tenunan mereka di sana. Apabila pulang ke Pahang, kita dapat membandingkan hasil tenunan yang dikeluarkan di tempat kita dengan hasil tenunan mereka.

Perbandingan dapat dilihat dari segi warna dan juga tekstur kain tenunan yang dihasilkan. Pemilihan warna amat penting kerana warna turut melambangkan keperibadian kita. Warna tenun di sini sangat sederhana berbanding dengan hasil kain tenunan lain yang memiliki warna yang adakalanya lebih gelap. Selain itu, dari segi tekstur pula, kain tenunan Sulawesi misalnya mempunyai tekstur yang lebih kasar kerana menggunakan benang emas yang lebih tebal.

Di Pahang, hasil kain tenunannya sangat halus dan elemen kesempurnaan dapat dilihat dalam setiap corak berpetak yang saling melengkapi. Corak berpetak itu seakan-akan kelihatan seperti bentuk Kaabah dan melambangkan Tenun Pahang Diraja yang memiliki elemen agama. Dari segi pemilihan warna pula, Tenun

Dato' Ahmad Farid Abdul Jalal menunjukkan koleksi buku tentang Tenun Pahang Diraja.

> Muzium perlu ada satu budaya kerja yang berbeza, bukan sekadar menjalankan kajian dan penyelidikan untuk tujuan pameran serta penerbitan, tetapi juga perlu mewujudkan suasana yang sangat harmoni dan mesra dengan seluruh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang yang berbeza.

Pahang Diraja memiliki warna yang sederhana dan tidak begitu menonjol. Hal ini menggambarkan falsafah kesederhanaan dalam pemakaian dan menjadikan Tenun Pahang Diraja ini sangat istimewa. Keistimewaan inilah yang menyebabkan Tenun Pahang Diraja tidak dijadikan sebagai pakaian harian.

Pemakaian Tenun Pahang Diraja sangat terbatas, iaitu hanya dipakai pada masa tertentu seperti dalam majlis rasmi dan tidak boleh dipakai dengan cara yang lasak. Jelaslah bahawa perlu ada sifat eksklusif yang meletakkan Tenun Pahang Diraja di "tempat" yang istimewa. Inilah yang membezakan Tenun Pahang Diraja dengan hasil kain tenunan yang lain.

Tidak dinafikan bahawa Tenun Pahang Diraja memiliki harga yang mahal. Justifikasinya, proses pembuatan tenun yang amat rumit dan bahan mentah yang memerlukan kos yang tinggi. Walaupun begitu, harga yang mahal itu bukan bermaksud untuk menyukarkan tenun ini dimiliki oleh orang ramai, tetapi sebenarnya meletakkan tenun itu pada tempat yang lebih istimewa dan memiliki standard yang tersendiri. Hal ini dapat dilihat pada jenama pakaian ternama yang memiliki harga yang mahal kerana bersifat eksklusif dan berkualiti.

Selain itu, jika dibandingkan dengan kain tenunan yang lain, Tenun Pahang Diraja agak tinggi harganya disebabkan oleh pengeluaran yang sedikit serta kos bahan seperti benang sutera yang mahal. Yang paling unik, benang sutera ini diwarnakan sendiri oleh penenun menggunakan pewarna semula jadi dan proses pembuatannya mengambil masa yang panjang. Namun begitu, terdapat juga Tenun Pahang Diraja yang dihasilkan menggunakan pewarna sintetik.

Gelaran "Diraja" yang dikurniakan kepada Tenun Pahang bertujuan untuk meletakkan status yang tinggi terhadap seni warisan rakyat Pahang ini. Kami amat menggalakkan masyarakat untuk menghasilkan, memiliki dan memakai Tenun Pahang Diraja, namun pada masa yang sama hendaklah mengekalkan standard kain tenunan tersebut sama ada dari segi pembuatan mahupun penjagaan untuk terus kekal menggunakan cara tradisional bagi menjamin kualiti Tenun Pahang Diraja yang sudah pasti tidak boleh disamakan dengan kain tenunan lain.

Apakah usaha yang dijalankan oleh pihak Perbadanan Muzium Negeri Pahang untuk memastikan Tenun Pahang Diraja ini sentiasa terpelihara?

Hal ini bermula pada tahun 2005 apabila pada ketika itu penenun di seluruh Pahang yang aktif hanyalah sekitar 15 orang penenun sahaja. Dalam usaha untuk membangunkan semula industri tenun di Pahang, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang telah menubuhkan satu akademi untuk mendidik masyarakat tentang ilmu tenunan. Akademi ini, yang dinamakan sebagai Institut Kemahiran Tenun Pahang Diraja Tengku Ampuan Besar Meriam, dibina bertujuan untuk mengajar golongan muda menenun. Selain itu, mereka turut diberikan elaun, asrama dan pelbagai kemudahan lain. Hingga kini, institut ini telah melahirkan sekurang-kurangnya 10 penenun dalam tempoh setahun.

Yang menariknya, pengajian di institut ini turut memiliki sukatan pelajarannya yang

Kutubkhanah Diraja di Kuantan, Pahang.

tersendiri. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang sendiri bersama-sama pihak Kraftangan Malaysia dan Muzium Pahang telah merangka sukatan pelajaran yang khusus bagi memastikan pelajar institut tersebut belajar menenun dengan cara yang betul dan teratur.

Selain menenun, mereka turut didedahkan dengan ilmu pengetahuan tentang bidang keusahawanan, bahasa Inggeris dan khususnya matematik kerana teknik menenun ini memerlukan cara pengiraan yang tepat. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap corak pada kain tenun itu memiliki saiz tertentu dan setiap saiz bergantung pada jumlah helaian benang yang diperlukan. Selain itu, colekan motif ke atas kain tenun juga memerlukan pengiraan yang tepat agar motif yang dihasilkan nampak elok terletak di atas kain.

Kini, institut tersebut telah melahirkan banyak penenun yang mahir. Setelah tamat pengajian, sebahagian daripada pelajar ini akan membuka pusat tenunan mereka sendiri, manakala sebahagian lagi akan bekerja di pusat tenunan milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang, iaitu Cheminahsayang. Di sini, selain pelajar lepasan institut kemahiran tenun, para banduan yang keluar dari penjara juga dibawa masuk untuk bekerja dengan baginda dan diberi gaji yang lumayan. Yang menariknya, lepasan banduan tersebut merupakan penenun mahir yang dihasilkan melalui program pemulihan bengkel tenun di Penjara Penor dan Bentong atas usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan Pahang sendiri sejak tahun 2006 lagi.

Selain itu, Muzium Negeri Pahang juga terlibat dengan penubuhan Perkampungan Ehsan Al-Sultan Abdullah dan Perkampungan Kraf Diraja Tunku Azizah, Kampung Pulau Keladi, Pekan yang bertujuan untuk memperbanyakkan lagi aktiviti menenun di negeri ini. Alhamdulillah, usaha lebih 20 tahun ini mula membuahkan hasil apabila terdapat lebih daripada 200 orang penenun mahir di seluruh Pahang yang menghasilkan kain Tenun Pahang Diraja yang amat berkualiti.

Harapan Dato' terhadap masa hadapan warisan sejarah dan kebudayaan yang terdapat di negeri ini, termasuklah Tenun Pahang Diraja.

Saya sebagai Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Pahang sudah tentunya mengharapkan warisan sejarah dan kebudayaan di Pahang, terutamanya Tenun Pahang Diraja dapat diwarisi oleh generasi yang berikutnya. Saya juga berharap agar usaha memelihara warisan ini tidak hanya sekadar berakhir di sini, dan sebaik-baiknya diteruskan oleh setiap lapisan masyarakat.

Semoga masyarakat terus menghargai warisan Tenun Pahang Diraja ini dan sentiasa memelihara keaslian, standard serta kualiti hasil tenunannya. Ibarat kata pepatah "tak lapuk di hujan, tak lekang di panas", Tenun Pahang Diraja yang masih mengekalkan elemen tradisinya akan sentiasa ditambah baik oleh para penenun melalui penghasilan pelbagai bentuk produk agar terus menjadi pilihan dan mendapat tempat di hati masyarakat. Kemahiran menenun ini perlu terus diwarisi dan keistimewaan serta keunikannya pula perlu terus dilestarikan untuk dihayati oleh generasi akan datang.

Muzium Negeri Pahang akan terus berusaha untuk memartabatkan lagi warisan seni dan budaya negeri ini dengan meningkatkan kualiti penyelidikan dan penulisan, seterusnya menghasilkan pameran yang berilmu dan bermanfaat untuk menjamin kelangsungan warisan tempatan. DB